

**SPRM Cari Saksi Untuk Bantu Siasatan
Bernama
24 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 24 Julai (Bernama) -- Bahagian Operasi Khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengesan seorang saksi untuk membantu siasatan kes membabitkan kepentingan awam.

Saksi itu, Kamal Suleman, 42, bernombor kad pengenalan 700618-01-5077 dan alamat terakhirnya di No: 11, Jalan Gading 4, Taman Sri Gading, 84000 Muar, Johor, menurut kenyataan SPRM pada Selasa.

Mereka yang mempunyai sebarang maklumat atau mengenali saksi diminta menghubungi Pegawai Penyiasat SPRM Penguasa Rosnizam Mansor di talian 019-6001038.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682841>

